



KENYATAAN MEDIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah diadakan di Fakulti Perakaunan, UiTM Puncak Alam pada 13 April 2026.
2. JANM diwakili oleh Akauntan Negara Malaysia (ANM) YBhg. Dato' Zainani Binti Jusoh, manakala UiTM diwakili oleh Dekan Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Selangor, Puncak Alam, YBhg. Profesor Dr Norli Ali.
3. Hadir sama adalah Timbalan Akauntan Negara (Korporat), YBrs. Tuan Haji Nasran bin Omar dan Pengarah-Pengarah Bahagian JANM serta Pengurusan Tertinggi Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Selangor.
4. Objektif MoU ini adalah sebagai platform untuk memperkukuh pembangunan ilmu dan profesionalisme dalam bidang Perakaunan Sektor Awam. Pelbagai bentuk kerjasama dilaksanakan termasuk berkaitan pembangunan kompetensi dan bakat, penyelidikan serta penerbitan ilmiah, perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam perakaunan sektor awam, pemantapan pengajaran dan pembelajaran subjek Perakaunan Sektor Awam, serta penganjuran seminar dan persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

5. Menurut ANM, YBhg. Dato' Zainani binti Jusoh "Kerjasama di antara JANM dengan UiTM ini adalah satu platform strategik untuk merapatkan jurang antara teori dan amalan, di samping memperkukuh ekosistem pendidikan dan latihan Perakaunan Sektor Awam negara. Melalui gabungan kepakaran akademik UiTM dan pengalaman praktikal JANM, maka modal insan yang kompeten dari segi teknikal, berintegriti, berdaya tahan seterusnya bersedia menghadapi cabaran persekitaran kewangan yang semakin kompleks dapat dilahirkan".

6. Sebelumnya telah berlangsung Sesi Syarahan Perdana, Profesor Adjung Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor oleh ANM, YBhg. Dato' Zainani binti Jusoh yang telah menyampaikan syarahan perdana bertajuk Perakaunan Sektor Awam: Siaga Cabaran, Kalis Hadapan.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

13 April 2026